

EDISI 2 : MAC - APRIL

2025



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



BULETIN


PUSAT SUKAN DAN
KEBUDAYAAN UNIVERSITI

Ketua Editor :

**NOOR FARHANAH BINTI
MOHAMAD AMIN**

Editor :

**MUHAMMAD NOOR SADDAM BIN
HUSSIN**



ISI KANDUNGAN

Sesi Pemilihan Pasukan Petanque Kebangsaan 4

Atlet Futsal UTHM Sertai Pasukan Malaysian University dalam MPFL Divisyen 1 2025 4

Sesi Perkongsian Ilmu Ramadhan : Kekal Cergas (Pemakanan Sihat & Senaman) 5

PSKU UTHM Terus Cemerlang: En. Khairul Amir Dilantik Jurulatih Pasukan Futsal B-20 Johor 5

Program Khidmat Masyarakat (CSR) Bantuan Ramadan & Hari Raya Peringkat Kebangsaan 6

Pasukan Kabaddi Lelaki UTHM Unggul di Kejohanan Maaveran 2.0 7

Bengkel Pembangunan Pasukan & Jurulatih UTHM Dan Sambutan Hari Raya Pusat Sukan & Kebudayaan Universiti, UTHM 2025 7

Perkongsian Strategik: PSKU UTHM Lawat Fasiliti Sukan UM 8

Keputusan Varsity Sepak Takraw League Sirkit 1, 2025 8

Pelajar UTHM Meraih Kejayaan Di Festival Tari Malaysia 2025 9

Liga Premier Futsal IPT 2025 – Fasa 1 9

ISI KANDUNGAN

**UTHM Cemerlang di Varsity Track and Field
Championship 2025 : 4 Gangsa & 3 Rekod Baharu** 10

**Kayuhan Gemilang: Wakil UTHM Menyerlah di
Kota Vista MTB Jamboree 2025** 11

**Jelajah Apresiasi Kesenian Dan Kebudayaan
(Bengkel Tari Zapin 2025)** 11

Perasmian Padang Sintetik UTHM 12



Sukan Antara Staf Pusat Sukan (SUPSAT) 2025 12

**Kejohanan Penang Rowing Beach Sprint National
Coastal Championships 2025 (PRBSNCC)** 13

SESI PEMILIHAN PASUKAN PETANQUE KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR | 15 – 16 Februari 2025 |

Atlet Petanque UTHM, Saudari Nur Durratul Iffah binti Yazit (FTK), telah menjalani sesi pemilihan pasukan Petanque Kebangsaan di Arena Petanque Kuala Lumpur. Dalam pemilihan tersebut, beliau berjaya meraih kedudukan ketiga keseluruhan dan akan menyertai satu lagi ujian pemilihan pada Julai. Tahniah diucapkan atas pencapaian cemerlang ini!



ATLET FUTSAL UTHM SERTAI PASUKAN MALAYSIAN UNIVERSITY DALAM MPFL DIVISYEN 1 2025

UTHM | 10 MAC 2025 | Atlet futsal UTHM, Muhammad Arif Roslan dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) sekali lagi mengharumkan nama universiti apabila terpilih mewakili Pasukan Malaysian University dalam Malaysia Premier Futsal League (MPFL) Divisyen 1 2025.

Berbekalkan pengalaman luas di pentas MPFL sejak 2019, Muhammad Arif kini diberi kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab sebagai ketua pasukan bagi musim 2025.

Sebanyak lapan pasukan futsal terbaik di Malaysia bakal bersaing dalam MPFL Divisyen 1, yang akan berlangsung dari Mac hingga Julai menerusi format liga dua pusingan.



SESI PERKONGSIAN ILMU RAMADHAN : KEKAL CERGAS (PEMAKANAN SIHAT & SENAMAN)

UTHM | 13 MAC 2025 | Telah berlangsung dengan jayanya Sesi Perkongsian Ilmu Ramadhan : Kekal Cergas (Pemakanan Sihat & Senaman) yang menampilkan dua panel iaitu En. Mohd Hafizan bin Johar, Pegawai Sains Pemakanan dari Klinik Kesihatan Yong Peng dan Puan Noor Fadzilah Sham binti Kamisan, Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi dari Klinik Kesihatan Batu Pahat.

Perkongsian ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kalangan staf UTHM yang bersemangat untuk mengekalkan kecergasan dan kesihatan sepanjang bulan Ramadhan. Semoga ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan untuk amalan pemakanan seimbang dan gaya hidup aktif



PSKU UTHM TERUS CEMERLANG: EN. KHAIRUL AMIR DILANTIK JURULATIH PASUKAN FUTSAL B-20 JOHOR

UTHM | 24 MAC 2025 | Staf PSKU, En. Khairul Amir bin Hamzah telah dipilih sebagai Penolong Jurulatih Pasukan Futsal Bawah 20 Tahun Negeri Johor.

Program pembangunan pasukan ini merupakan kerjasama antara Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) dan Johor Darul Ta'zim FC (JDT) yang telah dimulakan sejak penghujung tahun 2024. Di bawah bimbingan Ketua Jurulatih JDT Futsal, Mr. Juan Antonio Miguel Garcia, yang juga bertindak sebagai Pengarah Teknikal, pasukan ini sedang giat membuat persiapan rapi bagi menghadapi SUKMA 2026 di Selangor.

Semoga pengalaman ini bukan sahaja meningkatkan visibiliti UTHM melalui penglibatan staf, malah turut menyumbang kepada pembangunan sukan berprestasi tinggi di UTHM, khususnya kepada pemegang taruh seperti atlet pelajar.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR) BANTUAN RAMADAN & HARI RAYA PERINGKAT KEBANGSAAN

UTHM | 30 Mac 2025 | Kelab Warisan UTHM dengan kerjasama Bahagian Kebudayaan PSKU telah menyantuni Asnaf di beberapa negeri untuk Program Khidmat Masyarakat (CSR) Bantuan Ramadan & Hari Raya peringkat Kebangsaan.

Majlis tertinggi kelab Warisan bersama penasihat kelab iaitu En Rosdi Abdullah telah memilih beberapa orang asnaf untuk menerima bantuan dapur seperti beras, gula, tepung dan lain-lain lagi.

Pengerusi kelab warisan Aiman Syauqie telah menyalurkan bantuan di Kota Bharu Kelantan, manakala Majlis Tertinggi Kelab Warisan yang lain iaitu Dayang Nor Farah Husna di Pusa Sarawak, Nur Danish – di Klang Selangor, di Najiah Maisarah – Kuala Berang Terengganu, Nur Alyaa' Syafiah di Lawas Sarawak, Deniel Najmuddin Bin Norhaizat di Gelang Patah Johor dan penasihat kelab Warisan En Rosdi Abdullah membuat agihan di Batu Pahat Johor.

Semoga dengan bantuan ini dapat meringankan sedikit beban menjalani ibadah ramadan dan menyambut hari raya aidilfitri – Kata pengerusi kelab iaitu Aiman Syauqie.

Para pelajar UTHM bukan sahaja perlu hebat dalam kemahiran teknikal dan kejuruteraan tapi harus mempunyai jati diri dan nilai kemanusiaan yang tinggi. Menjadi Mahasiswa hebat itu bukan sahaja perlu menguasai ilmu pendidikan didalam kelas tapi juga perlu mengasah soft skill dan kemahiran insaniah yang tinggi, agar menjadi graduan yang mempunyai nilai tambah yang hebat. – Penasihat kelab.



PASUKAN KABADDI LELAKI UTHM UNGGUL DI KEJOHANAN MAAVERAN 2.0

UKM | 12 APRIL 2024 | Kejohanan Maaveran 2.0 (Kabaddi) telah berlangsung dengan penuh semangat kesukanan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah menghantar dua pasukan ke kejohanan ini, iaitu Pasukan Kabaddi Lelaki dan Pasukan Kabaddi Wanita.

Walaupun Pasukan Kabaddi Wanita terpaksa akur di peringkat kumpulan, Pasukan Kabaddi Lelaki UTHM telah membuktikan keunggulan mereka dengan menjuarai kejohanan ini dan membawa pulang gelaran Juara buat kali ke-17 – satu pencapaian yang amat membanggakan!

Lebih membanggakan, dua atlet UTHM turut menerima anugerah individu dalam kejohanan kali ini. THARMIGAN RAJ A/L NADARASON dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) telah dinobatkan sebagai Best Defender of the Tournament, manakala NAVIN A/L KANNAN dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) menerima anugerah Best Player of the Tournament.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh Pasukan Kabaddi UTHM atas kejayaan yang membanggakan ini. Teruskan kecemerlangan!



BENGKEL PEMBANGUNAN PASUKAN & JURULATIH UTHM DAN SAMBUTAN HARI RAYA PUSAT SUKAN & KEBUDAYAAN UNIVERSITI, UTHM 2025

UTHM | 14 APRIL 2025 | Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Pasukan & Jurulatih UTHM yang turut diserikan dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PSKU 2025. Program ini telah berlangsung dengan penuh meriah dan berjaya menghimpunkan para jurulatih, atlet serta warga kerja PSKU dalam suasana yang santai namun bermakna.

Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, yang turut menzahirkan ucapan penghargaan kepada semua jurulatih dan pegawai sukan atas komitmen dan usaha gigih dalam membangunkan sukan di UTHM. Bengkel ini bertujuan untuk memperkukuh kerjasama antara jurulatih dan pihak pengurusan serta mempertingkatkan perancangan strategik dalam pembangunan sukan universiti.

Dalam masa yang sama, sambutan Hari Raya telah menjadi platform terbaik untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan semua yang terlibat. Program seumpama ini diharapkan dapat menyuntik semangat baharu kepada barisan jurulatih dan atlet UTHM dalam mendepani cabaran dan kejohanan akan datang.



PERKONGSIAN STRATEGIK: PSKU UTHM LAWAT FASILITI SUKAN UM

UM | 18 April 2025 | Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti (PSKU) telah mengadakan lawatan tapak ke fasiliti sukan Universiti Malaya (UM) yang diketuai oleh YBrs. Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Pengarah PSKU.

Ketibaan delegasi PSKU telah disambut oleh YBrs. Encik Afizal bin Abu Othman, Pengarah Pusat Sukan Universiti Malaya, bersama Encik Amran bin Mohamed Nor, Koordinator Seksyen Kemudahan & Acara, Pusat Sukan UM. Dalam lawatan ini, pihak PSKU telah menerima perkongsian bermanfaat daripada Pusat Sukan, UM berkaitan aspek penyelenggaraan dan pengoperasian fasiliti sukan.

Semoga lawatan ini menjadi platform perkongsian ilmu yang dapat dimanfaatkan oleh warga PSKU dalam memperkasa pengurusan fasiliti sukan universiti.



KEPUTUSAN VARSITY SEPAK TAKRAW LEAGUE SIRKIT 1, 2025

UTeM | 16–19 APRIL 2025 | Pasukan Sepak Takraw UTHM telah menyertai kejohanan VSTL Sirkit 1 dengan penuh semangat juang! Berikut adalah pencapaian pasukan dalam dua acara yang dipertandingkan:

Acara Regu

Pasukan UTHM (A)

UTHM (A) 0 – 2 UIAM (B) (Kecederaan pemain)

UTHM (A) 0 – 2 Politeknik (B) (Kecederaan pemain)

Terkandas di peringkat Kumpulan C

Pasukan UTHM (B)

UTHM (B) 0 – 2 UTM (A)

UTHM (B) 0 – 2 UPM (A)

Terkandas di peringkat kumpulan

Acara Beregu

Pasukan UTHM (A)

UTHM (A) 1 – 2 UTeM (B)

UTHM (A) 0 – 2 USIM (B)

Terkandas di peringkat Kumpulan E

Pasukan UTHM (B)

UTHM (B) 2 – 0 UIAM (B)

UTHM (B) 2 – 1 UMK (B)

Layak ke pusingan kedua

Menerima undian bye dan terus ke peringkat suku akhir

Peringkat Suku Akhir

UTHM (B) 0 – 2 UPM (A)



Walaupun tidak berjaya mara ke peringkat separuh akhir, pasukan tetap menunjukkan semangat juang yang tinggi. Terima kasih kepada semua pemain dan penyokong atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. UTHM terus melangkah ke hadapan!

PELAJAR UTHM MERAIH KEJAYAAN DI FESTIVAL TARI MALAYSIA 2025

KUALA LUMPUR | 19-20 APRIL 2025 | Festival Tari Malaysia 2025 yang berlangsung di MATIC telah melabuhkan tirainya, festival berprestij peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) itu menyaksikan penyertaan lapan kumpulan penggiat seni tari terbaik dari seluruh negara yang berentap.

Dalam kegemilangan Festival Tari Malaysia 2025, salah seorang pelajar UTHM iaitu Putri Zalia Binti Mohammad Kamal Ariffin telah membuktikan pelajar kejuruteraan juga boleh menari dengan cemerlang. Putri Zalia pelajar tahun akhir dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik telah menyertai kumpulan Akar Seni Malaysia telah berjaya meraih tempat ketiga dengan membawa pulang hadiah RM8,000, termasuk trofi dan sijil.

Putri Zalia juga aktif di Bahagian Kebudayaan PSKU sebagai penari dan Majlis Tertinggi Kelab Warisan 2024, beliau juga banyak mewakili UTHM ke peringkat IPT, MAKUM dan kebangsaan seperti Festival Tari Rakyat Johor, Festival Tari Kebangsaan UKM, Festival Kesenian Zapin FEKAZ dan banyak lagi. Beliau bakal menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian pada tahun ini.



LIGA PREMIER FUTSAL IPT 2025 – FASA 1

UUM, Sintok | 17 – 21 APRIL 2025 | Pasukan Futsal UTHM telah menamatkan saingan Fasa 1 Liga Premier Futsal IPT 2025 dengan keputusan berikut :

UTHM 1 – 2 UMT
 UTHM 3 – 1 UUM
 UTHM 0 – 0 UIAM

Dengan keputusan ini, UTHM kini berada di kedudukan ke 5 selepas tamat Fasa 1. Perjalanan masih belum tamat! Enam lagi perlawanan akan diteruskan dalam Fasa 2 dan Fasa 3 yang dijadualkan berlangsung pada Jun dan September 2025. Teruskan sokongan anda buat pasukan UTHM!



UTHM CEMERLANG DI VARSITY TRACK AND FIELD CHAMPIONSHIP 2025 : GANGSA & 3 REKOD BAHARU

KLUANG | 24-27 APRIL 2025 | Pasukan Olahraga UTHM telah mencatatkan prestasi membanggakan di kejohanan Varsity Track and Field Championship (Sirkuit 1) 2025 yang bertempat di Kompleks Sukan Kluang dengan meraih 4 pingat gangsa dan 3 rekod baharu UTHM

Tahniah kepada para atlet atas pencapaian berikut:

Pemenang Pingat Gangsa:

Lompat Bergalah (Lelaki) – Alif Qusyairi Bin Abd Razak (FKMP)

Decathlon – Alif Qusyairi Bin Abd Razak (FKMP)

Heptathlon – Vianeybanu Junin (FPTP)

3000m Berhalangan (Wanita) – Nur Syawal Alya Binti Mohd Fadli (PPD)

Rekod Baharu UTHM:

Lempar Cakera (Wanita) – 20.02m

Sitty Aisyah Binti Mohd Zahari (FKMP)

(Rekod lama: 19.27m oleh Nur Shahreena binti Mahadi – FKAAB)

Heptathlon – 2692 mata

Vianeybanu Junin (FPTP)

(Rekod lama: 2671 mata – juga oleh beliau sendiri!)

3000m Berhalangan (Wanita) – 17:45.94 minit

Nur Syawal Alya Binti Mohd Fadli (PPD)

(Rekod pertama dicatat dalam acara ini)

Syabas buat semua atlet dan jurulatih atas dedikasi, semangat kesukanan dan kejayaan membanggakan buat UTHM! Terus melangkah lebih jauh!



KAYUHAN GEMILANG: WAKIL UTHM MENYERLAH DI KOTA VISTA MTB JAMBOREE 2025

KOTA TINGGI | 27 APRIL 2025 | Seramai 825 peserta dari seluruh Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina & China telah mengambil bahagian dalam acara Kota Vista MTB Jamboree 2025 yang bertempat di Teluk Sengat, Kota Tinggi, Johor

Tahniah kepada wakil UTHM atas pencapaian cemerlang mereka:

Dr. Mohd Zulfadli bin Rozali (FPTV) – Tempat ke-3, kategori Men Master

Puan Juliana binti Shalan (UTHM Pagoh) – Tempat ke-9, kategori Women

Ts. Zamri bin Mat Emrin (PPP) – Tempat ke-15, kategori Men Veteran

UTHM turut diwakili oleh:

- En. Kamarul Qawiem bin Md. Som (PPM)
- En. Razali bin Abdullah (PKK)
- Sdra. Zahir bin Zaki (FKAAB)

Syabas dan terima kasih kepada semua peserta serta pasukan teknikal UTHM atas semangat juang dan komitmen tinggi!



JELAJAH APRESIASI KESENIAN DAN KEBUDAYAAN (BENGKEL TARI ZAPIN 2025)

JOHOR | 25 APRIL 2025 | Kumpulan Tari Kelab Warisan dengan kerjasama PSKU telah berjaya melaksanakan program Apresiasi Kesenian dan Kebudayaan iaitu Bengkel Tarian Zapin Johor. Bertempat di Yayasan Warisan Johor, seramai 20 orang pelajar telah mengikuti program ini.

Jurulatih tari dari Yayasan Warisan Johor iaitu Cik. Siti Hanizah binti Hayon dan Puan Nor Raffidah binti Tohid telah memberikan tunjuk ajar mengenai zapin Johor. Program ini bukan sahaja mededahkan pelajar tentang ilmu tarian zapin Johor malah pakaian tradisional zapin negeri Johor juga.

"Program ini bukan sahaja memberi pendedahan tentang ilmu zapin Johor malah jalinan kerjasama UTHM dan YWJ juga dapat dieratkan lagi" kata pengarah program – Teresa Leonora Anak Abraham



PERASMIAN PADANG SINTETIK UTHM

UTHM | 24 APRIL 2025 | Telah diadakan perlawanan persahabatan bola sepak antara Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti dan Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan sempena perasmian Padang Sintetik UTHM yang baru sahaja dibina.

Pembinaan padang sintetik ini merupakan satu usaha UTHM dalam menyediakan kemudahan sukan bertaraf tinggi kepada warga universiti, sekali gus menyokong pembangunan sukan kampus yang lebih aktif dan berkualiti.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah merealisasikan projek ini. Semoga padang sintetik ini menjadi medan mencungkil bakat dan memupuk semangat kesukanan dalam kalangan warga UTHM.



SUKAN ANTARA STAF PUSAT SUKAN (SUPSAT) 2025

JOHOR | 25 – 26 APRIL 2025 | Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menyertai Kejohanan Sukan Antara Staf Pusat Sukan (SUPSAT 2025) yang berlangsung meriah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) baru-baru ini. Kejohanan ini merupakan satu platform terbaik dalam memperkukuh ukhuwah, memupuk semangat kesukanan dan mempererat jaringan profesional dalam kalangan warga Pusat Sukan Universiti Awam seluruh Malaysia. Sebanyak enam acara telah dipertandingkan:

- Golf
- Woodball
- Kayak
- Bola Sepak Penalti
- Bola Jaring Penalti
- Sukan Rakyat

UTHM berjaya mencatatkan pencapaian membanggakan apabila meraih tempat ketiga dalam acara Bola Jaring Penalti, menerusi penyertaan daripada:

- Pn. Nuur Nasyrah binti Mat Hassan
- En. Mohd Hazrin Abd Rahman
- En. Saiful Norashid bin Normadiah

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan atas kejayaan ini! Semoga kejohanan sebegini terus menyemarakkan semangat setiakawan dan kolaborasi antara institusi.



KEJOHANAN PENANG ROWING BEACH SPRINT NATIONAL COASTAL CHAMPIONSHIPS 2025 (PRBSNCC)

PULAU PINANG | 25 – 27 APRIL 2025 | Pasukan Mendayung UTHM telah mengharumkan nama universiti apabila berjaya meraih 3 pingat EMAS, 5 pingat PERAK dan 4 pingat GANGSA di Kejohanan Penang Rowing Beach Sprint National Coastal Championships 2025 (PRBSNCC) yang berlangsung di Penang Chinese Swimming Club dari 25 hingga 27 April 2025.

Berikut adalah senarai penuh pungutan pingat oleh atlet kita:

U23 Endurance 4 km (Lelaki)

Ahmad Faiz Zuharee Bin Ahmad Fakhrul-Din (FKAAB)

Open Endurance 4 km

Lelaki:

Chan Yu Xuan (FKEE)

Wanita:

Nurzarinah Binti Zakaria (FSKTM)

Nurul Amira Binti Norhadi (FTK)

Tee Yen Shin (FKAAB)

U23 Solo Beach Sprint (Lelaki)

Ahmad Faiz Zuharee Bin Ahmad Fakhrul-Din (FKAAB)

Nah Jing Jie (FSKTM)

Open Solo Beach Sprint

Lelaki:

Chan Yu Xuan (FKEE)

Muhammad Azfar Nabil Bin Zahri (FKEE)

Wanita:

Nurzarinah Binti Zakaria (FSKTM)

Nurul Amira Binti Norhadi (FTK)

Nur Afiqah Zamia Binti Sumeri (FPTV)



Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua atlet dan jurulatih atas usaha gigih, semangat juang tinggi, serta kejayaan yang membanggakan ini! UTHM terus melangkah megah di pentas sukan kebangsaan!





Diterbitkan oleh :

BAHAGIAN KORPORAT DAN FASILITI
PUSAT SUKAN DAN KEBUDAYAAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537479

Fax: 07 - 4536581

IKUTI MEDIA SOSIAL KAMI :



Pusat Sukan dan Kebudayaan

Universiti – UTHM



@psku_uthm



@psku_uthm



psku.uthm.edu.my

